

10 FEB 1999

Mahkamah-Anwar (perjumpaan)

ANWAR BERITAHU KPN MENGENAI PERBEZAAN PENDAPATNYA DENGAN PM, MAHKAMAH DIBERITAHU

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini bahawa beliau menceritakan kepada bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor mengenai "perbezaan pendapat politik" antara beliau dan Perdana Menteri pada awal Ogos tahun lepas.

Beliau menyifatkan perjumpaan itu sebagai "amat kritikal" dan bahawa beliau telah berterus terang dan terbuka dalam perbincangannya dengan Rahim.

"Perjumpaan itu pada pendapat saya amat kritikal kerana tidak lama sejeurus itu saya amat berterus terang dan terbuka dengan beliau. Saya katakan ya, saya memang mempunyai perbezaan pendapat politik dengan PM," katanya.

Anwar berkata demikian semasa membela diri terhadap empat tuduhan rasuah dengan menyalahgunakan kedudukannya sebagai timbalan perdana menteri dan menteri kewangan untuk campur tangan dalam siasatan polis terhadap dakwaan salah laku seksual.

Hari ini masuk hari ketiga beliau memberikan keterangan secara bersumpah pada hari ke-53 perbicaraan di hadapan Hakim Datuk S. Augustine Paul.

Anwar, 51, dipecat daripada jawatan kabinetnya pada 2 Sept tahun lepas.

Kepada soalan peguam bela utamanya, Raja Aziz Addruse, Anwar berkata beliau berbuat pengakuan itu semasa beliau bersendirian dengan Rahim di pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri.

Timbalan KPN Tan Sri Norian Mai dan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Datuk Yaakub Amin telah meninggalkan perjumpaan itu lebih awal, yang kedua beliau adakan dengan Rahim dan pegawai kanan polis berhubung kes itu, kata Anwar.

Perjumpaan yang pertama diadakan pada Jun di kediaman rasmi beliau, yang turut dihadiri Norian dan dua pegawai lain.

Katanya, beliau ingat mengenai perjumpaan kali pertama yang diadakan agak jauh malam kerana beliau tidak menghidangkan air kepada mereka kerana isteri dan orang gaji beliau sudah tidur. Ia diadakan selepas beliau membuat laporan polis dan buku "50 Dalil Kenapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM" diedarkan secara meluas.

Perjumpaan kedua, kata Anwar, diadakan selepas rakan tenisnya, Datuk S. Nallakaruppan ditahan.

Katanya, pada perjumpaan kedua itu beliau memberitahu Rahim bahawa beliau tidak berniat untuk mencabar Dr Mahathir dan telah mengingatkan Rahim bahawa, selaku KPN dengan Cawangan Khas di bawahnya, beliau bertanggungjawab untuk memberikan nasihat yang betul kepada PM mengenai pergolakan.

Anwar berkata beliau telah memberikan beberapa contoh tertentu mengenai perkara seumpama itu kepada Rahim.

Beliau berkata suratnya kepada Perdana Menteri bertarikh 25 Ogos dan 28 Ogos adalah susulan kepada perbincangan antara beliau dengan KPN dan Peguam Negara.

Anwar, yang beberapa kali diingatkan oleh Hakim Paul untuk berhenti daripada merujuk kepada konspirasi politik semasa memberi keterangan mengenai pertemuannya dengan Dr Mahathir, pada satu ketika berkata: "Yang Arif kata jangan bercakap mengenai konspirasi politik. Saya tidak tahu apa nak buat untuk membela diri. Jika saya tidak boleh merujuk kepada perjumpaan-perjumpaan ini, saya tidak berdaya."

Anwar berkata beliau mengadakan sekurang-kurangnya 10 pertemuan dengan Perdana Menteri dari akhir Jun hingga pertemuan pada hari beliau dipecat pada 2 Sept sebagai susulan kepada maklumat yang beliau perolehi daripada Tun Daim Zainuddin, yang datang berjumpa beliau di pejabatnya pada 8.30 pagi 12 Ogos.

Beliau mendakwa bahawa Daim memberitahunya bahawa Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah, "sedang memikirkan pertuduhan terhadap saya".

"Daripada maklumat Tun Daim, saya terus pergi ke pejabat PM. Saya membantah kenapa Peguam Negara memilih untuk memberi taklimat kepada Daim. Adakah beliau telah diwakilkan untuk tanggungjawab itu? Adakah kerana wang boleh beli semua?" katanya.

Pada peringkat ini, Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail membantah kenyataan Anwar dan hakim memutuskan bahawa keterangan itu tidak boleh meliputi pendapat saksi.

Anwar menyambung keterangan dengan menyatakan bahawa perbincangan yang tegang dengan Perdana Menteri telah berlaku tetapi hakim mencelah dan memberitahu Raja Aziz untuk mengemukakan soalan seterusnya.

Hakim Paul berkata isu itu tidak relevan dengan kes dan menasihatkan pihak pembelaan untuk membataskan diri mereka oleh konspirasi oleh polis, jika ada.

Raja Aziz memberitahu mahkamah bahawa pihak pembelaan hanya cuba membuktikan bahawa terdapat niat jahat dan kredibiliti saksi termasuk pegawai polis.

Semasa ditanya oleh peguamnya sama ada beliau tahu sebab beliau ditahan pada 20 Sept, Anwar berkata beliau diberitahu oleh pegawai polis bahawa beliau ditahan mengikut Seksyen 377B Kanun Keseksaan.

"Mata saya ditutup, digari dan dibawa ke lokap nombor enam, Bukit Aman. Pada malam itu saya dipukul oleh polis," katanya sebelum beliau disuruh berhenti oleh hakim sambil menyatakan bahawa kenyataannya itu tidak relevan kerana ada suruhanjaya lain yang menyiasat perkara itu.

Semasa ditanya mengenai kenyataan beliau kepada polis, Anwar berkata hanya satu soalan dikemukakan kepadanya, iaitu sama ada beliau memberikan sebarang arahan kepada polis untuk menutup kes berhubung surat layang yang disiasat oleh polis.

"Jawapan saya ialah, tidak, saya tidak buat begitu. Itulah kali pertama polis bertanya kepada saya (mengenai perkara itu) sejak siasatan dijalankan pada 1997 dan ini merupakan soalan pertama yang serius oleh Jabatan Siasatan Jenayah selepas saya ditahan," katanya.

-- BERNAMA
NHD RHM MAI